

Buletin

ACIS

Ramadhan - Syawal 1442/ Mei 2021

BAHAYA SYIRIK DAN 彭耶列温干 PENYELEWENGAN AKIDAH

Kesan Globalisasi Dalam
Kalangan Pelajar
ms4

Akibat Tidak Berlaku Adil Dalam
Pembangunan Negara
ms6

Kepimpinan Rasulullah Sebagai
Pendakwah
ms7

Kalam Sufi Siri 2 : Ilmu yang
Bermanfaat
ms8

Perbuatan syirik
adalah salah satu

daripada
dosa-dosa besar
yang diharamkan
oleh Allah SWT.

Syirik adalah
menyekutukan
Allah dalam apa
jua bentuk sama
ada perkataan,
pegangan dan
perbuatan.

Buletin ACIS

SIDANG REDAKSI

Penaung:

Prof Dr Yamin Yasin
(Rektor)

Penasihat:

Hisam Satari
(Ketua Pusat Pengajian ACIS)

Editor:

Ahmad Faiz bin Haji Ahmad Ubaidah
Nasif Sidquee Pauzi
Nur Sofiah binti Suhaimi

Sidang Pengarang:

Dr Mohd Kamel Mat Salleh
Nurul Safwah binti Aminuddin Zaki
Dr Mohamad Hasif Jaafar
Hisam Satari
Ahmad Faiz bin Haji Ahmad Ubaidah

Penerbit:

Akademi Pengajian Islam Kontemporari
UiTM Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Seremban
Persiaran Seremban Tiga/1
70300 Seremban 3,
Negeri Sembilan

Berminat untuk menerbitkan
artikel akademik atau apa-apa
hasil karya?

Hantarkan ke

faizubaaidah@uitm.edu.my

Pengantar Redaksi

Assalamualaikum dan salam sejahtera kepada pembaca budiman sekalian, Alhamdulillah Buletin ACIS siri ke - 31 yang mempunyai e-ISSN ini berjaya diterbitkan. Perkongsian utama bulan ini adalah "**BAHAYA SYIRIK DAN PENYELEWENGAN AKIDAH**". Selain itu, terdapat banyak lagi hasil penulisan yang menarik di dalam keluaran kali ini. Semoga Buletin ACIS ini dapat memberi manfaat kepada para pembaca dan warga UiTM semua.

Selamat membaca.

Isi Kandungan

Bahaya Syirik dan Penyelewengan Akidah 3

Kesan Globalisasi dalam Kalangan Pelajar 4

Akibat Tidak Berlaku Adil dalam Pembangunan Negara 6

Kepimpinan Rasulullah sebagai Pendakwah 7

Kalam Sufi Siri 2: Ilmu yang Bermanfaat 8

HAKCIPTA TERPELIHARA

Terbitan Buletin ACIS ini diterbitkan sebulan sekali



<https://www.facebook.com/ACISN9>

BAHAYA SYIRIK dan PENYELEWENGAN AKIDAH

Oleh: Dr. Hj. Mohd Kamel bin Mat & Dr. Mohamad Hasif bin Jaafar

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari,
UiTM Cawangan Negeri Sembilan

Cuba perhatikan di pelbagai media massa mahupun media cetak, pasti anda akan terjumpa kes-kes berikut :

1. **Unsur khurafat dalam drama dan filem.**
2. **Cerita hantu yang mempunyai unsur seram dan menakutkan.**
3. **Bisikan halus yang menyuruh kepada perlakuan jahat.**
4. **Taasub / fanatic melampau kepada orang tertentu.**
5. **Percaya kepada keramat kubur-kubur tertentu.**

Perbuatan syirik adalah salah satu daripada dosa-dosa besar yang diharamkan oleh Allah SWT. Syirik adalah menyekutukan Allah dalam apa jua bentuk sama ada perkataan, pegangan, perbuatan dan iktiqad. Ia juga membawa maksud menyamakan Allah dengan sesuatu yang lain, menyembah selain dari Allah seperti menyembah patung dan tempat-tempat keramat. Malah apabila seseorang itu menyatakan bahawa Tuhan itu banyak dan berbilang-bilang juga adalah dianggap syirik juga.

Terdapat banyak ayat-ayat al-Quran dan hadith Rasulullah S.A.W. yang menyatakan bahaya syirik. Firman Allah SWT di dalam al-Quran yang bermaksud “bahawasanya, sesiapa yang mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang lain, maka sesungguhnya Allah haramkan kepadanya syurga dan tempat kembalinya ialah ke neraka” (surah al-Ma’idah :7).

Allah SWT juga berfirman yang maksudnya “bahawa sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa seseorang yang syirik kepadanya dan Allah akan mengampunkan kepada sesiapa yang Dia kehendaki iaitu selain dari dosa syirik” (Surah an-Nisa’ : 48). Manakala di dalam surah Luqman maksud firman Allah SWT “sesungguhnya syirik itu adalah satu kezaliman yang amat besar” (Surah Luqman : 13).

Penegasan tentang bahaya syirik tidak terhenti setakat itu sahaja, malah ditegaskan lagi melalui sabda Rasulullah SAW di dalam hadithnya. Sabda baginda melalui satu hadith sahih yang maksudnya “tidakkah pernah aku nyatakan kepada kamu tentang dosa-dosa yang paling besar? Baginda mengulanginya sebanyak 3 kali. Para sahabat menjawab : sudah tentu wahai Rasulullah. Sabda baginda : syirik kepada Allah dan menderhaka kepada kedua ibu bapa -ketika itu baginda bersandar dan kemudian baginda duduk-. Sabda Baginda lagi : perkataan yang palsu dan penyaksian yang palsu”.

Syirik dibahagikan kepada 2 iaitu syirik *khafi* (tersembunyi) dan syirik *jali* (terang dan nyata). Syirik *jali* ialah syirik yang terang, nyata dan besar yang boleh menyebabkan seseorang itu dianggap jatuh ke tahap kufur. Syirik ini boleh berlaku melalui salah satu daripada 3 keadaan iaitu :

1. **Melalui i’tiqad seperti meragui atau menafikan kewujudan Allah SWT.**
2. **Melalui perbuatan atau amalan-amalan tertentu seperti menyembah patung, berhala, batu, pokok, matahari, bulan bintang atau objek-objek tertentu.**
3. **Melalui lidah atau perkataan seperti menghalalkan perkara haram dan mengaku keluar dari agama Islam**

Manakala syirik *khafi* ialah syirik yang kecil dan tersembunyi yang menyebabkan hilang atau luputnya pahala seseorang. Syirik bahagian kedua ini banyak berkaitan dengan perbuatan riak dalam beramal atau melakukan sesuatu perkara. Perkara ini secara jelas disebutkan di dalam al-Quran melalui firmanNya yang bermaksud : “barangsiapa yang berharap untuk bertemu dengan Allah (di hari akhirat kelak), maka hendaklah dia melakukan amal soleh dan janganlah dia mempersekutukan Allah dengan sesuatu di dalam ibadatnya” (Surah al-Kahfi : 110).

Maksud syirik dalam beramal seperti yang tersebut dalam ayat tersebut ialah menunjuk-nunjuk ketika beramal atau riak semasa beramal. Bersama ini diperturunkan lagi beberapa ayat di dalam al-Quran di dalam membicarakan tentang syirik dan bahayanya kepada sekalian umat Islam.

1. “Dan sesungguhnya telah diwahyukan kepadamu dan kepada nabi-nabi terdahulu sebelummu : jika kamu mempersekutukan Tuhan, nescaya akan terhapuslah segala amalanmu dan tentulah kamu termasuk di kalangan orang-orang yang rugi” (Surah al-Zumar : 65).
2. “Sesungguhnya Allah tidak akan mengampuni dosa orang yang mempersekutukanNya dengan sesuatu yang lain dan Dia akan mengampuni dosa yang selain dari syirik kepada sesiapa yang dikehendakinya. Barangsiapa yang mempersekutukan sesuatu dengan Allah, maka sesungguhnya ia telah tersesat dengan sejauh-jauhnya” (Surah an-Nisa’ : 116).

Termasuk juga perkara-perkara yang termasuk dalam perbuatan yang boleh menjatuhkan akidah seseorang seperti perbuatan ajaran-ajaran sesat, menghina al-Quran, menyembah syaitan, pengakuan sebagai nabi dan rasul kepada orang-orang

Melayu, fahaman sekularisme, pluralisme, Islam liberal, qadiani, ajaran batiniah, ajaran tasawuf dan tariqat yang sesat, syiah, anti hadith dan lain-lain. Semua ini berlaku di Malaysia dan pencegahan dari fahaman ini berleluasa perlu ditangani supaya tidak menjadi lebih buruk dan mengancam kestabilan berakidah orang-orang Islam.

Melihat kepada situasi ini, beberapa faktor dikenalpasti kenapa orang-orang Islam mudah terjebak ke kancang syirik dan penyelewengan akidah ini antaranya ialah :

1. Jahil
2. Pengaruh dan dorongan kawan
3. Mereka yang ghairah mencari ketenangan jiwa dengan jalan pintas
4. Lemah iman dan mudah terpengaruh dengan keajaiban sesuatu perkara
5. Ingin mengubat penyakit
6. Kesilapan memahami asas-asas akidah
7. Faktor kekayaan dan pengaruh seseorang

TIPS DAN LANGKAH MENGELOAKKAN PENYELEWENGAN AKIDAH

Maka beberapa langkah mesti dilakukan bagi mengelakkan ia dari terus membarah di dalam hidup manusia, ini termasuklah :

1. Dengan pelaksanaan undang-undang Islam secara menyeluruh.
2. Memperbanyakkan penerangan tentang bahaya syirik

melalui siri seminar, ceramah, bengkel dan seumpamanya.

3. Memperbanyakkan tulisan sama ada buku, artikel dan sebagainya dalam memberi kefahaman akidah yang betul kepada masyarakat.

4. Anggota masyarakat mesti didedahkan dengan bahaya syirik supaya mereka dapat membezakan apakah pekerjaan dan perkataan mereka selama ini mengandungi unsur-unsur syirik atau sebaliknya.

5. Memperbanyakkan program-program kefahaman dan pemantapan akidah kepada semua kelompok sasar manusia dari kecil sehingga dewasa dengan kepelbagai modul sesuai dengan peringkat umur.

6. Penekanan kepada kefahaman tauhid yang jelas di peringkat sekolah rendah, menengah dan IPT melalui sukanan mata pelajaran yang bersesuaian.

Semua cadangan ini memerlukan kepada perancangan dan pelaksanaan yang baik supaya unsur-unsur yang menyalahi akidah dan syirik yang batil ini dapat dibenterya dari terus berleluasa dalam masyarakat. Ini adalah penting bagi mengelakkan daripada membawa amalan kosong sewaktu menghadap Allah kelak di padang mahsyar.

Terdapat banyak fatwa dan pandangan hukum sama ada yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Negeri-Negeri mahupun Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia berhubung dengan ajaran sesat dan penyelewengan akidah sebagai panduan kepada umat Islam agar tidak terjebak dalam perkara yang membatalkan akidah ini.

KESAN GLOBALISASI dalam KALANGAN PELAJAR

Oleh: Nurul Safwah Binti Aminuddin Zaki & Nurul Atikah Binti Poniran
Pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Negeri Sembilan

Di era yang selalu berubah ini, pelbagai cabaran globalisasi mempengaruhi peradaban dan agama kita. Sebilangan besar perbincangan yang melibatkan isu-isu globalisasi ini lebih memfokuskan kepada isu-isu yang berkaitan dengan ekonomi dan percaya bahawa aspek globalisasi yang lain tidak penting, seperti globalisasi budaya dan globalisasi pengetahuan dan maklumat (Osman Bakar, 2017). Sebenarnya, isu globalisasi lain juga mesti dipertimbangkan untuk memastikan bahawa peradaban dan agama Islam negara kita terpelihara. Bukan itu sahaja, kita juga perlu menonjolkan perspektif Islam dan perspektif dunia Timur dengan cara yang lebih berkesan di peringkat antarabangsa, agar masyarakat dapat membandingkan perspektif berikut dengan adil dan saksama (Osman Bakar, 2017).

Dengan ini, masyarakat dapat menentukan antara sudut pandang berikut yang boleh diikuti dan mana yang harus dielakkan. Selain itu, kita tidak dapat meremehkan masalah globalisasi yang melanda negara kita, kerana akan menyebabkan keruntuhan moral masyarakat, terutama kaum muda. Ini kerana remaja adalah kumpulan yang suka melakukan atau mencuba perkara baru. Sekiranya mereka terlibat dalam aktiviti yang tidak menguntungkan, ia akan memberi kesan negatif terhadap moral mereka. Bukan hanya itu, ia juga boleh menyebabkan keruntuhan perpaduan masyarakat.



Oleh itu, dalam tulisan ini, kita akan membincangkan beberapa cabaran globalisasi yang boleh mempengaruhi peradaban dan agama. Salah satu cabarannya ialah pengaruh media sosial. Penulis juga membincangkan langkah-langkah untuk mengatasi cabaran ini untuk mengelakkan masalah peradaban dan Islam di negara kita.

Ketagihan Pornografi

Penggunaan media sosial yang tidak terkawal boleh memberi kesan buruk kepada masyarakat, terutama golongan muda, kerana boleh menyebabkan ketagihan pornografi. Pada masa kini, terdapat banyak laman web yang menyediakan hiburan yang melampau, iaitu bahan pornografi, seperti video dan gambar pornografi. Sebilangan remaja mengunjungi laman web yang tidak beretika, seperti laman web pornografi, yang akhirnya boleh menyebabkan hubungan seksual terlarang dengan kekasih dan rakan mereka, dan akhirnya membawa kepada perzinaan, sumbang mahram, ponteng sekolah, dan lupa tanggungjawab

Di samping itu, sebilangan kecil pengguna media sosial menyalahgunakan alat komunikasi ini untuk mengakses laman web yang tidak beretika seperti internet dan laman web pornografi kerana melihat iklan disiarkan di laman media sosial. Iklan inilah yang menyebabkan mereka menjadi mangsa perkara negatif. Menurut laporan, ketagihan pornografi ini dikatakan dilakukan terutamanya oleh remaja yang dianggarkan berumur antara 13 hingga 17 tahun. (Metro Harian, 2017). Selain itu, kebanyakan orang yang melayari laman web pornografi ini tidak hanya melibatkan golongan muda dan remaja, tetapi juga orang dewasa dan orang tua. Ini kerana mereka berada di era moden dan kompleks ini, dan kebanyakan orang mempunyai kemahiran menggunakan Internet (Nor Azah & Che Zarina, 2010).

Ketagihan pornografi ini antara penyebab berlakunya peningkatan kes pembuangan bayi yang semakin berleluasa di Malaysia. Disebabkan mereka ini terdedah dengan suasana yang tidak baik maka mereka ini terutamanya golongan remaja perempuan mudah terpengaruh dengan kata-kata dan janji-janji manis yang ditabur oleh rakan sembang alam maya menjadi punca kepada berlakunya kes-kes remaja perempuan lari dari rumah mengikut lelaki yang baru dikenali melalui media sosial dan menyebabkan berlakunya perbuatan maksiat seperti zina dan sebagainya. Hal ini kerana pelajar yang berumur 13 hingga 20 tahun merupakan individu yang mudah percaya kepada seseorang tanpa meneliti terlebih dahulu asal usul mereka (Nor Azah & Che Zarina, 2010).

BERLAKU JENAYAH SIBER

Seterusnya, kesan pengaruh media sosial boleh mengakibatkan berlakunya jenayah siber. Kebanyakan masyarakat terdiri daripada semua lapisan sanggup terlibat dengan penipuan, memberi ancaman atau fitnah melalui email yang boleh mendatangkan kesan buruk kepada penerima maklumat. Di samping itu juga penyalahgunaan media sosial ini juga turut menyebabkan peningkatan terhadap jenayah buli siber. Golongan yang berisiko terdedah dengan buli ini adalah kanak-kanak dan remaja. Buli siber akan mendatangkan pelbagai kesan psikologi kepada emosi, sikap dan tingkah laku. Kajian mendapati bahawa laman sosial ini digunakan untuk memeras ugut mangsa dengan pemalsuan identiti diri sebenar pelaku untuk menyebarkan fitnah, mesej palsu atau video untuk menjatuhkan aib seseorang individu. Semua tingkah laku negatif ini dikenali sebagai buli siber (Kowalski & Limber, 2007).

Jenayah buli siber ini juga boleh dikatakan sebagai tingkah laku agresif, iaitu berkaitan dengan gangguan kelakuan (*conduct disorder*) (Kowalski & Limber, 2007) secara fizikal dan mental atau perlakuan yang boleh memudaratkan keadaan orang lain. Aktiviti buli siber akan memberikan impak negatif terhadap individu yang terlibat. Mangsa buli akan mengasingkan diri dan sehingga menyebabkan mereka ponteng sekolah kerana takut menghadapi tekanan mental dan fizikal serta kebarangkalian berfikir untuk bunuh diri (Willard 2007). Mangsa buli mengalami kemurungan, rendah diri dan masalah kesihatan.

Selain itu juga, kesan pengaruh media sosial terhadap mangsa buli siber ialah mereka akan mula menunjukkan perlakuan yang tidak baik iaitu marah, sedih, rasa malu dan ketakutan yang tidak bertempat sehingga menyebabkan mereka ini sanggup berkurung di dalam rumah dan memendam perasaan bersendirian kerana takut untuk berjumpa dengan orang lain. Tambahan lagi buli siber juga akan mengubah sikap seseorang individu iaitu sering memberontak dan melakukan tindakan ganas serta agresif. Sekiranya mangsa buli siber tidak diberikan bantuan yang sepatutnya maka mereka ini akan mempunyai kecenderungan mengalami masalah penyakit mental (Pumariega & Rothe, 2010).

Setiap cabaran pasti ada jalan penyelesaiannya. Oleh itu, berikut merupakan antara langkah mengatasi cabaran globalisasi terhadap peradaban dan juga agama:

1. Memberi didikan agama kepada anak-anak pada usia muda
Ibu bapa seharusnya menerapkan pendidikan agama Islam kepada anak-anak ketika mereka masih kecil lagi. Hal ini kerana masa kanak-kanak merupakan masa yang paling kondusif untuk menerapkan kebiasaan dalam kehidupan sehari-hari mereka (Ibrahim Bafadhol, 2017). Dengan memberi pendedahan mengenai tuntutan agama pada usia muda, mereka akan lebih menghayati dan memahami mengenai tuntutan agama yang perlu mereka laksanakan sebagai umat Islam.

2. Mengawal pergerakan aktiviti anak-anak

Sebagai seorang ibu bapa yang bertanggungjawab, mereka seharusnya mengawal pergerakan aktiviti sehari-hari anak-anak mereka. Tujuan ini bukanlah untuk mengongkong anak-anak tetapi untuk memastikan setiap aktiviti anak-anak lebih terkawal. Hal ini kerana jika mereka diberikan kebebasan untuk berseronok mereka akan lebih lalai dan melakukan banyak perkara yang tidak berfaedah. Sebagai contoh, ibu bapa perlu mengawal penggunaan gajet seperti telefon pintar dan juga penggunaan internet supaya mereka tidak menyalahgunakan peranti tersebut untuk tujuan yang salah.

3. Menguatkuaskan undang-undang

Kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) seharusnya memperketatkan dan menguatkuaskan undang-undang penggunaan media agar dapat dikawal secara berkesan (Nasif Sidquee Pauzi et. al, 2020) supaya tidak disalahgunakan oleh masyarakat di negara kita. Dengan ini, masalah-masalah yang berkaitan dengan media dapat dikurangkan dalam kalangan masyarakat.

PENUTUP

Secara kesimpulannya, semakin membangun sesebuah tamadun tersebut semakin banyak cabaran yang dihadapi. Hal ini kerana, kini terdapat banyak kemudahan yang disediakan seperti telefon bimbit, rangkaian internet dan pelbagai laman web yang boleh memudahkan manusia dari semasa ke semasa. Namun yang demikian, terdapat segelintir daripada mereka yang menyalahgunakan segala kemudahan tersebut dengan perkara-perkara yang negatif. Oleh itu, kita seharusnya sentiasa berpegang kepada Al-Quran dan As-Sunnah sebagai panduan hidup kita supaya sentiasa berada di jalan yang benar.

RUJUKAN

- Osman Bakar. (2017). Pengaruh globalisasi terhadap peradaban. *Jurnal Peradaban*, 1, 75- 97.
- Nor Azah Abdul Aziz dan Che Zarrina Saari (2010). Menangani Permasalahan Laman Web Pornografi: Antara Perisian Penapis, Penguatkuasaan Undang-undang dan Amalan Spiritual. *Journal of Islamic and Arabic Education*: Vol. 3(1), pp. 29-46.
- Kowalski, R. M., & Limber, S. P. (2013). Psychological, physical, and academic correlates of cyberbullying and traditional bullying. *The Journal of Adolescent Health: Official Publication of the Society for Adolescent Medicine*, 53(1 Suppl), S13-20.
- Willard, N. (2007). Educator's guide to cyberbullying and cyberthreats. Retrieved November 1, 2007, from www.cyberbully.org/cyberbully/docs/cbcteducator.pdf
- Pumariega, A. J dan Rothe, E. (2010). Leaving No Children Or Families Outside: The Challenges of Immigration. *American Journal of Orthopsychiatry*; Vol. 80(4), pp. 505.
- Ibrahim Bafadhol. (2017). Pendidikan Akhlak Dalam Perspektif Islam. *Edukasi Islami: Jurnal Pendidikan Islam*, 6(02), 19.
- Nasif Sidquee Pauzi, et. al (2020). Prinsip Asas Islam. Negeri Sembilan: Penerbit Universiti Teknologi MARA.

Akibat Tidak Berlaku Adil dalam Pembangunan Negara

Oleh: Dr. Mohamad Hasif Bin Jaafar & Dr. Mohd Kamel Bin Mat Salleh

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Negeri Sembilan

Seorang pemimpin yang adil adalah sangat penting dalam pembangunan negara yang maju. Agama Islam menegaskan supaya umatnya sentiasa berlaku adil dan menegah segala bentuk kezaliman, ketidakadilan dan pencerobohan hatta (sekalipun/termasuklah?) terhadap orang kafir. Untuk membangunkan sesebuah negara bukanlah sesuatu yang mudah, ia memerlukan persediaan dan kelengkapan dari pelbagai aspek. Antaranya adalah dari segi rohaniah, iaitu sikap dan akhlak seseorang pemimpin tersebut. Segala bentuk perjanjian, amanah dan tanggungjawab perlu dilaksanakan dengan adil dan amanah.

Apabila golongan pemerintah berpegang kepada prinsip etika keadilan, maka dengan sendirinya segala urusan negara serta rakyat akan berjalan pada landasan yang sepatutnya termasuk dalam pelaksanaan undang-undang. Firman Allah SWT dalam surah Al-Maidah ayat 49 *"Dan hendaklah kamu memutuskan perkara di antara mereka menurut apa yang diturunkan Allah, dan janganlah kamu mengikuti hawa nafsu mereka. Dan berhati-hatilah kamu terhadap mereka, supaya mereka tidak memalingkan kamu dari sebahagian apa yang telah diturunkan Allah kepadamu. Jika mereka berpaling (dari hukum yang telah diturunkan Allah), maka ketahuilah bahwa sesungguhnya Allah menghendaki akan menimpa musibah kepada mereka disebabkan sebahagian dosa-dosa mereka. Dan sesungguhnya kebanyakan manusia adalah orang-orang yang fasik."*

Kegagalan penerapan sikap adil ini akan mendorong kepada kejatuhan bukan sahaja pemimpin, malah negara yang yang dipimpinnya juga. Di sini, terdapat tiga aspek yang akan terjejas apabila sikap adil itu gagal diterapkan, iaitu dari segi politik, ekonomi dan keharmonian masyarakat.

POLITIK

Aspek pertama yang akan terjejas adalah dari segi politik. Apabila seseorang pemimpin gagal berlaku adil, ini akan memberi kesan kepada kestabilan politik dalam negara tersebut. Secara amnya, istilah politik digunakan untuk menandakan proses pembentukan keputusan yang melibatkan orang ramai. Oleh itu, sesebuah politik dianggap sebagai satu persaingan untuk menentukan siapa mendapat apa, bila dan bagaimana. Apabila berlaku pergolakan dan perubahan dalam tumpuk pemerintahan, perkara tersebut akan memberi kesan secara langsung kepada politik semasa. Sebarang perubahan dasar yang dibuat oleh pihak kerajaan akan memberi impak sama ada positif atau negatif dalam sesebuah negara.

Ibnu Taimiyah berpendapat bahawa keadilan sosial dapat merapatkan jurang pemisah antara golongan penguasa dan rakyatnya (*ar-Rawi wa ar-Raiyah*) dan akhirnya dapat meningkatkan sistem sosial dan meningkatkan kekuasaan Islam.

EKONOMI

Malaysia merupakan sebuah negara yang mengamalkan dasar ekonomi terbuka dan kebanyakannya bergantung kepada perdagangan negara termasuklah pelaburan asing. Maka, hubungan antara pemimpin-pemimpin kita dengan negara luar

haruslah dititikberatkan. Namun, kita sering dikhabarkan dengan berita mata wang ringgit Malaysia jatuh dan menyukarkan ekonomi negara untuk berkembang.

Kejatuhan mata wang adalah disebabkan oleh kenaikan kadar faedah, ketidaktentuan dalam harga minyak mentah dunia dan juga keimbangan terhadap kadar pertumbuhan ekonomi dan ketidaktentuan pasaran kewangan di China. Sekiranya berlaku ketidakpastian pasaran di peringkat global, ia akan memberi impak yang sangat besar kepada negara. Keadaan ini akan menyebabkan berlakunya kenaikan harga barang secara berterusan atau dalam istilah ekonominya dipanggil inflasi. Jika keadaan ini berterusan dan tidak dikawal, ia akan menyebabkan berlakunya ketidakadilan kepada golongan berpendapatan sederhana dan rendah terutamanya jika kenaikan harga tersebut melibatkan barang keperluan asas.

Selain itu, pengagihan sumber ekonomi yang tidak cekap turut akan membantu perkembangan ekonomi dalam sektor-sektor tertentu. Tindakan perbelanjaan kerajaan yang tidak adil boleh membawa kepada kemelesetan ekonomi di mana aktiviti perniagaan terjejas dan menyebabkan ramai pekerja dibuang.


KEHARMONIAN MASYARAKAT

Malaysia merupakan sebuah negara yang terdiri daripada pelbagai lapisan kaum dan agama yang mempunyai adat dan cara yang tersendiri. Apabila terdapat dalam kalangan pemimpin yang bersikap pilih kasih terhadap sesuatu kaum atau kelompok, ini akan menimbulkan perasaan tidak puas hati dan perasaan iri hati daripada pihak yang lain. Perkara ini akan membawa kepada perpecahan. Tambahan pula, dengan adanya kemudahan aplikasi media sosial, amat mudah sekali untuk satu pihak melemparkan kritikan-kritikan kepada pihak yang lain yang mana boleh merosakkan perpaduan masyarakat.

PENUTUP

Agama Islam merupakan sebuah agama yang amat menitikberatkan sifat amanah dan adil dalam hubungan sesama manusia. Malahan, sebagai seorang pemimpin, Rasulullah SAW tidak pernah bersikap berat sebelah dan pilih kasih. Ini berdasarkan beberapa riwayat yang sahih antaranya hadis daripada Saidatina Aisyah bahawa Rasulullah SAW bersabda *"Demi diriku yang berada di bawah kekuasaan-Nya, kalaualah Fatimah binti Muhammad mencuri nescaya akan ku potong tangannya."*

Dalam melaksanakan syariat Islam, baginda Rasulullah SAW tidak pernah membezakan di antara sesama manusia samada ahli keluarganya, kaum kerabatnya, sahabat-sahabatnya maupun golongan yang berpengaruh atau sebaliknya. Baginda sentiasa berlaku adil di dalam semua perkara. Corak kepimpinan Rasulullah SAW ini haruslah diikuti oleh para pemimpin negara supaya kemakmuran dapat terus dikekalkan. Firman Allah SWT dalam surah An-Nahl ayat 90 *"Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, dan berbuat kebaikan, serta memberi bantuan kepada kaum kerabat; dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman. Ia mengajar kamu (dengan suruhan dan laranganNya ini), supaya kamu mengambil peringatan mematuhinya."*



KEPIMPINAN RASULULLAH SAW SEBAGAI PENDAKWAH

Oleh: **Ahmad Faiz bin Haji Ahmad Ubaidah**

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Negeri Sembilan

Dalam usaha menyampaikan dakwah, Rasulullah SAW menggunakan pelbagai kaedah dan pendekatan bagi mencapai penyampaian yang berkesan. Umumnya, Rasulullah SAW akan berusaha untuk menyampaikan ajaran Islam kepada sesiapa yang Baginda temui. Pada peringkat awal dakwah Baginda di Madinah, penduduknya masih ada yang berpegang kepada kepercayaan jahiliah, menganut ajaran Yahudi dan juga Nasrani. Sejak kesempatan pertama lagi Baginda telah mengajak mereka kepada Islam. Usaha ini dimulakan dengan utusan seorang sahabat Rasulullah SAW ke Madinah yang bernama Mus'ab b. 'Umair dari Bani 'Abdul Dar/ Quraisy. Beliau telah diutus oleh Rasulullah SAW sejurus sebelum peristiwa hijrah untuk berperanan sebagai mubaligh dan juga guru agama. Beliau dibantu oleh As'ad b. Zurarah daripada Bani Najjar/Khazraj yang juga merupakan ketua bagi naqib-naqib. Baginda sendiri tidak pernah melepaskan peluang untuk berdakwah. Berikutan peperangan Nakhlah, seorang tawanan Makkah, al-Hakam b. Kaisan dibawa ke Madinah. Baginda mengajarkan Islam kepadanya dan beliau dengan rela menerimanya. Begitu juga dengan tawanan perang Badar. Mereka diajak kepada Islam dan sesiapa yang menerima dibebaskan tanpa sebarang tebusan atau syarat.

Kisah ini jelas menunjukkan dasar dakwah Rasulullah SAW menerusi seruan Islam secara damai dan berterusan. Dasar dakwah Baginda tidak berkehendak kepada sebarang bentuk pertempuran. Seandainya pertempuran tidak dapat dielakkan dan tawanan dibawa kepada Baginda, mereka juga akan diajak kepada Islam. Baginda akan menerima keislaman mereka walaupun ada di kalangan mereka yang sudah menjadi musuh ketat Islam bagi satu tempoh yang lama. Bukan itu sahaja, Baginda juga menerima keislaman mereka yang sudah dijatuhan hukuman mati, seperti dalam kes pengislaman beberapa pemimpin Makkah selepas pembebasan kota itu. Apabila penduduk Arab mula menunjukkan minat menjadi pengikut Baginda, perkara pertama yang Baginda lakukan ialah mengajak mereka kepada Islam. Hal ini mampu dilihat sehingga dalam haji terakhir Baginda dimana seruan utama Baginda hanyalah berpegang kepada ajaran al-Quran dan Sunnah.

Selain itu juga, terdapat banyak riwayat yang jelas menunjukkan peringatan Baginda kepada panglima angkatan perang supaya terlebih dahulu mengajak masyarakat kepada Islam. Sekiranya seruan kepada Islam ditolak, maka mereka sekurang-kurangnya ditawarkan supaya menerima pemerintahan Islam. Oleh itu, tentera Islam lebih kerap bergerak pada waktu malam bagi membolehkan mereka tiba pada waktu subuh untuk mengenalpasti sama ada penduduk tempatan berkenaan sudah menerima Islam. Jika mereka masih belum menerima Islam maka tugas pertama mereka ialah mengajak mereka kepada Islam. Hakikat ini ditunjukkan oleh arahan Rasulullah SAW kepada pemimpin rombongan perang Baginda seperti 'Abdul Rahman Auf, Khalid b. Walid, Ali bin Abi Talib, Usamah bin Zaid dan beberapa orang lagi. Selain

itu, Rasulullah SAW sendiri akan mengajak musuh untuk memeluk Islam sebelum berlaku kekacauan dan usaha yang sama ini juga telah dibuat oleh Muhaiyishah b. Mas'ud al-Ansari dalam perang Fadak.

Pada zaman penyebaran dakwah Rasulullah SAW di Makkah, baginda juga telah mengutus beberapa rombongan dakwah ke Madinah dan seluruh pelosok tanah Arab. Malah, terdapat juga sahabat yang diutus sehingga keluar bumi Arab. Menurut urutan waktunya, rombongan pertama telah diutuskan pada Safar 4 Hijrah/625 Masihi. Abu Bara Amir b. Malik al-Kilabi datang menemui Rasulullah SAW meminta Baginda mengutus beberapa orang sahabat Baginda di Madinah kepada orang-orang Najd untuk mengajak mereka kepada Islam. Maka Baginda pun mengutus al-Munzir b. 'Amr al-Sa'idi dengan 40 sahabat yang terbaik. Walau bagaimanapun, mereka telah dibunuh dengan kejam dekat Bi'r Ma'unah (Telaga Ma'unah). Satu lagi tragedi berlaku dan menghapuskan rombongan satu lagi utusan Rasulullah SAW di alRaji'. Rombongan ini seharusnya menyampaikan Islam kepada puak 'Azl dan Qarrah, atas permintaan mereka. Kedua-dua tragedi ini mendorong Rasulullah SAW untuk tidak membahayakan nyawa pengikut-pengikut Baginda dengan mengutus mereka secara demikian. Pembebasan Makkah menegaskan kepada orang Arab yang memusuhi Islam bahawa mereka tidak akan terlepas daripada hukuman jika mereka menyerang rombongan Islam. Dari segi yang lain, Rasulullah SAW kemudian semakin yakin mengenai keselamatan utusan Baginda selepas itu. Sebab itu, ada catatan menunjukkan bahawa ada kalanya rombongan utusan Islam itu adalah terlalu kecil sehingga hanya seorang sahaja yang ditugaskan untuk memusnahkan berhala dan mengajak orang kepada Islam. Mereka melaksanakan tugas mereka dengan penuh gigih dan melaksanakannya dalam tempoh yang singkat.

Zaman selepas pembebasan Makkah menyaksikan gerakan dakwah Rasulullah SAW yang lebih luas dan menyeluruh menerusi utusan pendakwah ke hampir seluruh pelosok bumi Arab. Dua orang pendakwah pertama ketika itu ialah 'Ala bin Hadrami dan Amr bin al-'As Al-Shahmi. Mereka ditugaskan untuk mengajak golongan bangsawan di Bahrain dan Uman kepada Islam. Manakala Khalid bin Walid pula berdakwah kepada bani al-Harith bin Kaab dan berjaya mengislamkan mereka. Sebelum itu beliau ditugaskan untuk berdakwah kepada bani Jazimah iaitu sebahagian daripada kabilah Kinanah. Begitu juga dengan Ali bin Abi Talib yang berhasil mengislamkan puak Hamadan. Ringkasnya, terdapat lapan orang sahabat Baginda yang diutus ke beberapa pelosok jazirah Arab dalam hari-hari terakhir kehidupan Rasulullah SAW.

Walaupun begitu, hakikatnya terdapat ramai pendakwah yang turut menyebarkan seruan Islam di kalangan bangsa Arab. Dalam hubungan ini, rujukan seharusnya dibuat kepada utusan Rasulullah SAW dan juga ketua-ketua kabilah dan puak yang bukan sahaja bertindak sebagai ketua pentadbir tetapi pendakwah bagi pimpinan mereka. Hal ini mampu difahami menerusi dua bentuk utusan Rasulullah SAW. Pertama, pengutusan khusus kepada

putera dan pemerintah asing manakala bentuk utusan kedua pula menerusi usaha mendekati ketua-ketua kabilah dan puak Arab. Matlamat kebanyakannya perutusan ini adalah untuk menyebarkan agama seperti yang dilihat daripada kandungan surat-surat Rasulullah SAW secara langsung atau tidak menyeru kepada Islam. Contohnya, ialah kandungan warkah Rasulullah SAW kepada semua pemimpin tempatan dan asing seperti Najashi di Habsyah, Herkulis yang memerintah empayar Bizantin, al-Harith b. Abi Shimr di Ghassan, al-Muqauqis di Mesir, Kisra Parsi, Hurmuzan sebuah jajahan Parsi, Munzir b. Sawa di Bahrain, Jaifar dan 'Abdu di Uman serta beberapa orang raja Yaman, pada dasarnya menyeru mereka kepada Islam. Kandungan yang sama diutus kepada pemimpin tempatan seperti Haudah b. Ali di Yamamah, Zughatir, ketua paderi di Najran, ketua paderi *usqaf* di Ailah, Maqna' dan wilayah utara yang lain, Musailamah dari Yamamah, Sumamah daripada Bani Hanifah dan beberapa orang raja di wilayah selatan. Lantas semua perutusan dan juga warkah seperti ini adalah pendakwah bukan sahaja menyeru kepada Islam secara lisan dan bertulis, malah memberikan gambaran yang baik dan penjelasan praktikal mengenai penjelasan tuntutan agama melalui amal perbuatan mereka.

Seperti yang diketahui, semua pemimpin yang memeluk

Islam, bersedia melaksanakan tanggungjawab sebagai pendakwah bagi kaum dan jiran mereka. Misalnya, Jursum b. Nashib daripada Khushain/ Quza'ah, Ubadah b. Ashyab daripada Bani 'Anz' b Wail, 'Amri b. Murrah dari Juhainah, berjaya mengajak kaum mereka memeluk Islam. Mereka semua dilantik oleh Rasulullah SAW. Pentadbir pusat dan gabenor yang dilantik juga diberi tanggungjawab yang sama untuk berdakwah mengenai rukun dan ajaran Islam kepada anggota masyarakat yang mereka pimpin. Mu'az b. Jabal sebagai ketua gabenor seluruh wilayah selatan, terpaksa bergerak dari satu tempat ke satu tempat, untuk berdakwah mengenai ajaran Islam kepada semua hambaNya. 'Amri b. Hazm diberi arahan jelas oleh Rasulullah SAW mengenai bidang tugasnya sebagai gabenor. Penekanan utama ialah soal menyebarkan agama Allah SWT kepada manusia keseluruhannya. Arahan yang sama diberikan kepada gabenor dan pentadbir lain, kerana penerimaan Islam sahajalah dapat menjamin kebahagiaan negara Islam.

Pendek kata, bukan pemimpin sahaja yang bertanggungjawab menyebarkan Islam tetapi setiap muslim bertindak sebagai *du'ah* atau pendakwah. Di samping itu, Rasulullah SAW sendiri tidak jemu-jemu mengutus rombongan dakwah hingga saat-saat akhir hayat Baginda. Keutamaan Baginda ialah memastikan agama Allah disebarluaskan kepada semua manusia.

Kalam sufi siri 2: *Ilmu yang Bermanfaat*

Oleh: Hisam Satari

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Negeri Sembilan



Berkata Imam al-Ghazali rahimahullah Taala dalam kitab *Bidayatul Hidayah*, ilmu yang memberi manfaat itu ialah ilmu yang menambah perasaan takutmu kepada Allah SWT, menambah pula dalam hatimu perasaan kehinaan dirimu, menambahkan pengetahuanmu dalam beribadah kepada Allah SWT, mengurangkan kehendak duniamu, menambahkan keinginan akhiratmu, membukakan mata hatimu dari perkara yang membina sakan ibadahmu sehingga terpelihara dari kebinasaan itu dan terselamat dari tipu daya syaitan. Selanjutnya Imam al-Ghazali rahimahullah Taala menyatakan ilmu Tasawuf ini termasuk daripada ilmu yang memberi manfaat.

Di sebut dalam kitab *Minhajul 'Abidin* karangan Imam al-Ghazali rahimahullah Taala, kitab *Al-Arba'in fi Usuliddin* dan kitab *Mukhtasar Ihya 'Ulumiddin* bahawa ilmu tasawuf itu ialah ilmu yang memberi manfaat di dunia dan akhirat. Syeikh Abdul Wahab as-Sya'rani rahimahullah Taala dalam kitab *Al-Yawaqit wal Jawahir* yang menaqlakan dari Imam al-Ghazali rahimahullah Taala, Sesiapa yang tiada baginya ilmu ini, nescaya di takuti atasnya *su'l khatimah* iaitu mati dalam maksiat. Demikian juga yang dijelaskan oleh Syeikh Abu Hasan as-Syazili rahimahullah Taala, Barangsiapa yang tiada kemahiran dalam ilmu ini, nescaya mati dia padahal dia mengekali atas beberapa dosa yang besar padahal dia tiada mengetahui hal yang sedemikian itu.

Justeru bagi mereka yang ingin berjaya di dunia dan di akhirat, hendaklah mengisi umurnya dengan mendalami Ilmu Tasawuf. Sama ada yang berbentuk fardhu ain ataupun fardhu kifayah dengan mengamalkan segala pengetahuan serta

sentiasa mengulangkaji, kerana yang demikian itu akan melahirkan perasaan takut kepada Allah SWT. Sayyid Abdul Qadir al-Idrus rahimahullah Taala dalam kitabnya *Ad-Duruss al-Tsamin* menyatakan bahawa segala ilmu yang berbentuk fardhu ain itu terdiri daripada tiga perkara:

- Pertama : Ilmu Tauhid dan dinamakan Ilmu Usuluddin**
Kedua : Ilmu Syarak dan dinamakan Ilmu Fekah
Ketiga : Ilmu batin (akhlak) dan dinamakan Ilmu Tasawuf

Adapun kadar fardhu ain dalam mempelajari ilmu tauhid adalah sehingga dapat mengenal dan memahami keesaan pada zat Allah SWT, sifat-sifat Allah SWT dan af'al Allah SWT. Mengenal sifat yang *salbiyyah* dan sifatnya yang *tsubutiyyah* dengan sekira-kira dapat mengesahkan imannya iaitu mengenal perkara sifat yang wajib bagi Allah SWT, sifat yang mustahil bagiNya dan sifat yang harus bagiNya. Juga mengenal segala rasul alaihimus-salam dan beriman dengan apa yang diperintahkan oleh mereka.

Adapun kadar fardhu ain dalam mempelajari ilmu syarak adalah dapat memahami segala fardhu bersuci, fardhu solat, fardhu puasa dan perkara-perkara yang membatkannya, fardhu haji dan fardhu zakat dan segala yang membatkannya.

Manakala kadar fardhu ain dalam mempelajari Ilmu Tasawuf ialah dapat mengetahui perkara yang menyelamatkan dirinya dari kerosakan sesuatu amalan dan menyelamatkan dirinya dari perkara yang membatalkan pahala ibadahnya seperti solat yang disertai dengan *riya'*, *ujub* dan *sum'ah*.